

**SOALAN NO : 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015**

**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan "*psychiatric assessment*" atau "*psychological screening*" khusus kepada pertugas-pertugas perubatan seperti doktor, jururawat dan sebagainya untuk mengatasi *stress* atau kemurungan akibat kesibukan di tempat kerja.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Akhir-akhir ini isu ini sering diperbincangkan di media massa. Untuk makluman semua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah mengatasi stres anggota-anggota KKM dengan menjalankan ujian-ujian tertentu.

Perkara berkaitan "*Psychiatric assessment*" di KKM hanya dijalankan oleh pihak Psikiatri, manakala aspek "*Psychological screening*" dijalankan oleh Pegawai Psikologi. Manakala "*Psychological screening*" ini dijalankan kepada anggota KKM pada peringkat awal anggota memulakan Perkhidmatan iaitu semasa Program Transformasi Minda. Alat Psikologi yang digunakan ialah Ujian Personaliti TAJMA. Penggunaan Ujian DASS (Depression, Anxiety Stress Scale) dijalankan kepada anggota KKM sebagai salah satu kaedah dalam saringan minda sihat.

**Tuan Yang DiPertua,**

Ingin saya maklumkan jua di sini bahawa petugas-petugas yang terlibat dalam tugas Psikososial seperti semasa waktu pasca banjir dan sebagainya, diberikan saringan minda untuk mengenalpasti kebersediaan dan persediaan menghadapi tekanan sewaktu bertugas. Alat ujian yang digunakan ialah *Secondary Traumatic Stress Scale*.

Selain itu, Bahagian Kesihatan Awam, KKM iaitu di bawah Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (Unit Keselamatan Persekitaran Pekerjaan) juga telah mewujudkan program saringan kepada penjawat awam di KKM iaitu mereka disaring dengan menggunakan Depression Anxiety Stress Scales (DASS) dan ini adalah persediaan awal bagi intervensi pencegahan tekanan.

Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa pihak KKM sentiasa mengambil perhatian yang serius dalam perkembangan kesihatan mental anggota-anggota kami.